

6. PELANCONGAN

A. Soalan 4

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan *industri perkhidmatan*. [3]

Industri peringkat ketiga/tertier(1m) yang *tidak melibatkan pengeluaran barangan(1m)* tetapi *menyediakan perkhidmatan kepada pengguna (1m)*

(b) Huraikan **tiga** kepentingan industri perkhidmatan kepada pembangunan ekonomi. [6]

1. *Sumber pendapatan negara*
2. *Menyediakan peluang pekerjaan.*
3. *Kesan pengganda seperti industri hiliran/ekonomi primer dan sekunder.*

3 x 2m = 6m

(c) Terangkan **tiga** kesan industri pelancongan terhadap alam sekitar fizikal. [6]

1. *Pencemaran air*
2. *Pencemaran sampah sarap.*
3. *Hakisan tanah dan tanah runtuh*
4. *Kemusnahan biodiversiti*
5. *Pemanasan setempat.*
6. *Kemusnahan kawasan tadahan air.*
7. *Perubahan landskap hutan.*

B. Soalan 4

a) Apakah yang dimaksudkan dengan ekopelancongan. [3]

Maksud Ekopelancongan	Markah
• Ekopelancongan merupakan aktiviti pelancongan yang berasaskan sumber semula jadi	1
• seperti pelancongan pantai, pulau, hutan lipur, tanah tinggi, air terjun atau jeram, tasik, sungai, gua batu kapur, dan sebagainya.	2
	MAX 3

b) Bagaimanakah aktiviti pelancongan dipengaruhi oleh faktor alam sekitar fizikal. [4]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
b1. Aktiviti menyelam	● scuba dan snorkeling dipengaruhi oleh perairan laut di kawasan pulau dan pantai yang jernih, cetek dan bersih.	2
b2. Aktiviti berkelah	● keindahan pantai, udara yang nyaman dan pokok rhu pula mempengaruhi aktiviti bersantai bersama keluarga.	2
b3. Aktiviti sukan lasak	● aktiviti meredah jeram, berakit, berkayak dipengaruhi oleh aliran sungai yang deras dan berjeram. ● aktiviti “jungle trecking” dan berkhemah dipengaruhi oleh keadaan hutan lipur yang berfauna dan berflora serta suhu yang sejuk/nyaman.	2
PEMARKAHAN 2 isi x 2 markah		MAX 4

c) Huraikan kepentingan ekopelancongan kepada pembangunan ekonomi di Malaysia.

[4]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
c1. Mewujudkan peluang pekerjaan	● Kepada penduduk setempat yang memajukan kawasan eko pelancongan. ● Seperti mengusahakan chalet dan homestay dan juga bekerja sebagai pemandu pelancong. ● Kesannya pendapatan perkapita penduduk bertambah dan pengangguran dikurangkan.	2

c2. Menyumbang kepada pendapatan negara	● Para pelancong yang datang ke Malaysia kerana tarikan eko pelancongan akan berbelanja samada untuk penginapan, pengangkutan, makanan, cenderamata dll. ● Menambahkan pendapatan negara melalui tukaran matawang asing terutamanya dari pelancong negara maju seperti Jepun, Jerman, USA dsb.	2
c3. Memajukan industri hiliran / berkaitan	● Perkembangan industri berasaskan kraftangan, restoran, homestay, chalet, pengangkutan pelancongan dsb.	2
PEMARKAHAN 2 isi x 2 markah		MAX 4

d) Cadangkan dua langkah untuk memajukan ekopelancongan di Malaysia. [4]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
d1. Promosi	● Promosi boleh dilakukan melalui media massa dan media cetak atau melalui slogan. ● Misalnya tawaran pakej pelancongan yang murah, menarik dan eksklusif di kawasan ekopelancongan seperti di kawasan Taman Negara, pulau-pulau peranginan dll.	2
d2. Memajukan kemudahan asas pelancongan	● infrastruktur pelancongan di kawasan eko pelancongan seperti sistem telekomunikasi, bekalan air dan elektrik. ● di samping kemudahan penginapan yang selesa – resort, chalet dll.	2

d3. Memajukan kemudahan pengangkutan	● Pembinaan jalan raya, lebuh raya, jeti. ● Pengangkutan yang cekap dan cepat amat penting untuk meningkatkan ketersampaian antara kawasan eko pelancongan dengan kawasan lain.	2
PEMARKAHAN 2 isi x 2 markah		MAX 4

6. Berdasarkan sebuah negara di Asia Tenggara

a) Sejauhmanakah aktiviti pelancongan yang dijalankan di negara tersebut disebabkan oleh faktor dasar kerajaan.

[13M]

a1- Dasar Kerajaan

Melalui galakan yang dilakukan oleh kerajaan seperti mengadakan promosi pelancongan di luar negara, membina kemudahan infrastruktur pelancongan, mengadakan perayaaan bertema dan sebagainya.

Faktor-faktor lain:

a2- Faktor tarikan fizikal

Antaranya seperti pantai yang berpasir putih, cuaca yang panas dan terang, kawasan tanah tinggi, hutan semulajadi yang mempunyai pelbagai spesies flora dan fauna, gua batu kapur dan sebagainya.

a3- Faktor Kepelbagaian Budaya

Kepelbagaian kaum dan agama telah membentuk kepelbagaian budaya seperti bahasa, adat resam, makanan, kebudayaan menjadi sumber kepada tarikan pelancongan

a4- Kestabilan Politik

Keamanan dan kestabilan politik yang di Malaysia menjadi tarikan kepada pelancong dari luar negara.Keamanan dan kestabilan politik yang wujud di Negara ini penting bagi menjamin keselamatan pelancong.

a5- Kemudahan Pelancongan

Antranya kemudahan pengangkutan dan perhubungan yang baik seperti jeti, lebuh raya, jalan raya, LRT, Komuter akan meningkatkan darjah ketersampaian akan menggalakkan perkembangan sektor pelancongan Negara

Kewujudan penerbangan tambang murah seperti Airasia, Malindo, Firefly turut menggalakkan perkembangan sektor pelancongan

a6- Kemudahan Penginapan

Kemudahan penginapan dan rekreasi akan memudahkan pelancong untuk menginap dan beristirehat seperti hotel, resort dan rumah tumpangan.

a7- Tarikan Khusus

Tarikan khusus dibandar seperti pusat-pusat membeli belah, bandar pelabuhan, tempat bersejarah.

* Jawapan calon perlu mempunyai PENEGASAN bahawa selain daripada faktor dasar kerajaan terdapat juga lain yang mempengaruhi aktiviti pelancongan.

[Pemarkahan 2M X 6 ISI + 1M =13M]

b) Jelaskan bagaimana aktiviti pelancongan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar fizikal negara berkenaan.

[12M]

b1- Pembinaan Infrastruktur

Pembinaan jalan-jalan raya untuk kemudahan pelancongan telah memberi kesan terhadap alam sekitar seperti kejadian tanah runtuh akibat kerja-kerja penerasan dan pemotongan cerun.

b2- Pembinaan Hotel dan Kemudahan Penginapan

Pembuangan sisa kumbahan oleh hotel dan rumah penginapan memberi kesan terhadap pencemaran sumber air bersih terutama pembinaan hotel di kawasan pinggir pantai.

b3- Pembinaan Taman Tema dan kawasan rekreasi

Pembinaan taman tema dan kawasan hiburan di tanah tinggi memberi kesan terhadap kepupusan flora dan fauna. Contoh di Genting Highland

b4- Pembinaan Kawasan Perniagaan/ Gerai Makan

Pembuangan sisa makanan oleh restoran dan gerai makan ke kawasan sungai telah menyebabkan pencemaran sumber air bersih serta memberi kesan terhadap hidupan akuatik.

b5- Sikap Pelancong

Sikap pelancong yang tidak bertanggung jawab membuang sampah di kawasan pelancongan seperti pinggir pantai, sungai menyebabkan kemerosotan sumber air bersih.

b6-Pembukaan Kawasan Pelancongan Berasaskan Pertanian(AgroTourism)

Penggunaan racun serangga dan baja kimia secara besar-besaran bagi meningkatkan daya pengeluaran untuk menarik pelancong ke kawasan tersebut menyebabkan pencemaran sumber air dan tanah. Contoh: Cameron Highland

*** Jawapan calon perlu menggambarkan cara / bagaimana**

5. (a) Bincangkan faktor yang mempengaruhi kegiatan pelancongan di Malaysia. [13]

1. tarikan semula jadi – pulau yang cantik, gua, pantai, tanah tinggi, hutan lipur, iklim yang panas dan lembap
2. tarikan buatan manusia/ alam sekitar manusia – tempat-tempat bersejarah, seni budaya dan berbilang kaum
3. kemudahan pengangkutan dan perhubungan – meningkatkan darjah ketersampaian
4. prasarana yang cukup –hotel, restoren, riadah, bersukan dan pusat membeli belah
5. dasar kerajaan – promosi diperingkat antarabangsa oleh TDC, persidangan antarabangsa

Pemarkahan : $4 \times 3\text{m} + 1\text{m}$ (Kesimpulan) =13m

(b) Jelaskan bagaimana aktiviti pelancongan memberi kesan negatif terhadap alam sekitar fizikal negara Malaysia. [12]

Cara	Kesan
Pembinaan Hotel dan Kemudahan Penginapan	Pembuangan sisa kumbahan oleh hotel dan rumah penginapan memberi kesan terhadap pencemaran sumber air bersih terutama pembinaan hotel di kawasan pinggir pantai
Pembinaan Infrastuktur	Pembinaan jalan-jalan raya untuk kemudahan pelancongan telah memberi kesan terhadap alam sekitar seperti kejadian tanah runtuh akibat kerja-kerja penerasan dan pemotongan cerun.
Pembinaan Kawasan Perniagaan/ Gerai Makan	Pembuangan sisa makanan oleh restoran dan gerai makan ke kawasan sungai telah menyebabkan pencemaran sumber air bersih serta memberi kesan terhadap hidupan akuatik.
Sikap Pelancong	Sikap pelancong yang tidak bertanggung jawab membuang sampah di kawasan pelancongan seperti pinggir pantai, sungai menyebabkan kemerosotan sumber air bersih.
Pembinaan Taman Tema dan kawasan rekreasi	Pembinaan taman tema dan kawasan hiburan di tanah tinggi memberi kesan terhadap kepupusan flora dan fauna. Contoh di Genting Highland

Pembukaan Pelancongan Pertanian(AgroTourism)	Kawasan Berasaskan	Penggunaan racun serangga dan baja kimia secara besar-besaran bagi meningkatkan daya pengeluaran untuk menarik pelancong ke kawasan tersebut menyebabkan pencemaran sumber air dan tanah. Contoh: Cameron Highland
--	-----------------------	--

Jawapan calon perlu menggambarkan cara / bagaimana
Pemarkahan : 6 x 2markah = 12 markah

5 (a) Berdasarkan sebuah negara di Asia Tenggara,terangkan keadaan-keadaan yang menyumbang kepada

kemajuan sektor pelancongannya.

[9]

Negara Malaysia

- i.Kaya dengan pelbagai jenis ekosistem spt hutan hujan tropika, hutan paya bakau, pulau terumbu karang
- ii.Bmb menarik spt gua, tanah tinggi, pulau, pantai, air terjun, jeram dll
- iii.Kemudahan penginapan – pelbagai ikut kemampuan dan cita rasa
- iv.Keunikan budaya rakyat Malaysia- amalan,agama, makanan,tradisi dll
- v.Kemajuan jaringan perhubungan dan pengangkutan yang pelbagai ikut kemampuan pelancong
- vi.Kemudahan perbankan, telekomunikasi memudahkan pengurusan kewangan dan komunikasi
- vii.Keselamatan – negara aman damai, penduduk permah
- viii.lainlain

(b) Jelaskan kepentingan aktiviti-aktiviti pelancongan terhadap pembangunan negara tersebut.

[8]

- i. peluang pekerjaan – kawal kadar pengangguran,kurangkan kemiskinan, taraf hidup meningkat
- ii. pendapatan negara- masuk mata ang asing,tambah pendapatan perkapita
- iiiPerkembangan kemudahan infrastruktur di destinasi luar bandar spt air elektrik,telekomunikasi
- iv.Kesan pengganda kepada perkembangan sektor lain spt binaan, perniagaan, industri kotej

(c) Huraikan langkah-langkah untuk mengatasi isu-isu yang menghalang perkembangan

sektor pelancongan.

[8]

- i.Kuatkuasa undang-undang ikut Akta Kualiti Alam sekitar tahun 1974-jaga kemerosotan alam sekitar
- ii.Naik taraf kemudahan di destinasi pelancongan terutama di luar bandar spt tandas awam,parkin dll
- iii.Naik taraf tahap keselamatan di destinasi pelancongan terutama di luar bandar.
- iv.Meningkatkan darjah ketersampaian ke destinasi pelancongan
- v.Atasi kekurangan maklumat destinasi pelancongan melalui sistem online Cth travago
- vi.lain-lain

5b (i) Berdasarkan jadual diatas, lukis sebuah graf bar bagi menunjukkan bilangankemasukanpelancongdomestikmengikutnegeripadatahun 2011.

[9]

Skemapemarkahan

- bi1 Tajuk – 1m
- bi2 skala – 1m
- bi3 Petunjuk – 1m
- bi4 Plotan – 6m
11 – 16 bar betul – 6m
6 – 10 bar betul – 4m
1 – 5 bar betul – 2m

(ii) Huraikan kepentingan sektor pelancongan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

[8]

Skemapemarkahan

- bii1 Mewujudkanpeluangpekerjaan - Memajukankawasanekopelancongan. Bekerjasebagaipemandupelancong, pengemasbilik, tukangmasakdll - pendapatanperkapitapendudukbertambahdanpenggangurandikurangkan.
- bii2 Pendapatan Negara. Pelancongasingke Malaysia sepertiJepun, China, Eropahdll - perbelanjaanuntukpenginapan, pengangkutan, makanan, cenderamata dll- menambahkanpendapatannegaramelaluitukaranmatawangasing.
- bii3 Memajukanekonomiberkaitan – memajukanindustripengangkutan, makanan, kraftangan – perkembanganindustri lain selaridenganperkembangansektorpelancongan.
- bii4 Menambahpelaburan – pelaburandalamdanluarnegara – pembinaankawasanpelanconganbarudan hotel atau resort. Contoh hotel antarabangsaseperti Swiss Hotel, Residence Hotel dll
- bii5 Menggalakkanpembangunanekonomikawasan – memajukankawasanluarbandarberpotensi – dimajukandenganinfrastruktur, resort – menambahpendapatanpendudukluarbandar.

(4 x 2m = 8m)

(iii) Jelaskan pengaruh alam sekitar fizikal terhadap kedatangan pelancong ke Malaysia.

[8]

Skemapemarkahan

- biii1 Tarikan Pulau dan Taman Laut - pulau-pulau yang cantik dan taman-taman maritim - Keindahan persekitaran fizikal pulau seperti laut yang cetek dan jernih, dikelilingi oleh terumbu karang serta hidupan laut.

biii2 Pantai yang menarik – pantai yang bersih dan indah – terdapat teluk dan tanjung – menarik kedatangan pelancong.

biii3 Tanah tinggi – kawasan tanah tinggi yang cantik dan suhu yang sejuk – sesuai untuk tanaman hawa sederhana – Tanah Tinggi Cameron Highland, Tanah Tinggi Kundasang – menarik kedatangan pelancong.

biii4 Hutan Semulajadi/Hutan Lipur – tarikan kepelbagaian spesis flora dan fauna – bunga reflesia – udara yang nyaman – Taman Negara Pahang, Hutan Simpan Belum, Tanah Tinggi Kundasang.

biii5 Cuaca dan Iklim – suhu panas sepanjang tahun – sesuai untuk aktiviti berjemur – menarik kedatangan pelancong Eropah, AS dan lain-lain.

(4 x 2m = 8m)

Soalan 5

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan ekopelancongan. [3]

Skema Jawapan

Ekopelancongan merupakan **aktiviti pelancongan berasaskan sumber semula jadi** seperti **pelancongan pantai, pulau, hutan lipur, tanah tinggi, air terjun atau jeram, tasik, sungai, gua batu kapur**, dan sebagainya.

(b) Huraikan kepentingan ekopelancongan kepada pembangunan sosioekonomi di Malaysia. [10]

Skema Jawapan

- b1. Mewujudkan peluang pekerjaan – seperti mengusahakan chalet dan homestay dan juga bekerja sebagai pemandu pelancong - kesannya pendapatan perkapita penduduk bertambah dan pengangguran berkurangan.
- b2. Menyumbang kepada pendapatan negara – melalui tukaran matawang asing apabila para pelancong berbelanja samada untuk penginapan, pengangkutan, makanan, cenderamata dll.
- b3. Memajukan industri hiliran / berkaitan – perkembangan industri berasaskan kraftangan, restoran, homestay, chalet, pengangkutan pelancongan dsb.
- b4. Pembangunan kawasan / infrastruktur – peningkatan kemudahan asas, pengangkutan dan telekomunikasi.
- b6. Pembangunan teknologi dan R & D – penjagaan hutan, marin.

(mana-mana 5 isi x 2 markah = 10 markah)

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk memajukan ekopelancongan di Malaysia. [12]

Skema Jawapan

- c1. Promosi - melalui media massa dan media cetak atau melalui slogan - misalnya tawaran pakej pelancongan yang murah, menarik dan eksklusif di kawasan ekopelancongan seperti di kawasan Taman Negara, pulau-pulau peranginan dll.
- c2. Memajukan kemudahan pengangkutan - Pembinaan jalan raya, lebuh raya, jeti meningkatkan ketersampaian ke destinasi ekopelancongan.
- c3. Memajukan kemudahan asas pelancongan - infrastruktur pelancongan di kawasan eko pelancongan seperti sistem telekomunikasi, bekalan air dan elektrik. di samping kemudahan penginapan yang selesa – resort, chalet dll.
- c4. Memajukan kawasan berpotensi – meneroka kawasan baru dan menyediakan kemudahan asas yang baik.
- c5. Peningkatan peranan kerajaan – promosi berterusan di luar negara, penubuhan agensi berkaitan pelancongan.
- c6. Kerjasama dengan negara lain – cth. kempen pelancongan antara negara ASEAN.
- c7. Kempen – mempelbagaikan produk pelancongan – galakan kepada pengusaha pelancongan.

(mana-mana 6 isi x 2 markah = 12 markah)

